

**TITAH**  
**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA**  
**SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI**  
**AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI**  
**WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SEMPENA SAMBUTAN JUBLI EMAS**  
**HARI ULANG TAHUN PASUKAN**  
**SIMPANAN GURKHA KE-50**

**HARI SABTU**  
**28 NOVEMBER 2024**

**BERTEMPAT**  
**DI PERKHEMAHAN SUNGAI AKAR,**  
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillaahir Rahmanir Raheem

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Bersyukur kita kehadhrat Allah *Subhanahu Wata'ala*, kerana dengan izin dan rahmatNya jua dapatlah kita hadir bagi meraikan satu mercu tanda yang amat bermakna iaitu Upacara Sambutan Jubli Emas Pasukan Simpanan Gurkha (PSG). Setinggi-tinggi tahniah diucapkan atas perbarisan yang membanggakan sebentar tadi yang mencerminkan kesiapsiagaan dan mutu disiplin yang tinggi para anggota Pasukan ini.

Selama dalam tempoh lima puluh tahun, PSG telah bersama-sama menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran yang telah dinikmati oleh Negara Brunei Darussalam.

Beta sangat gembira dengan perkembangan Pasukan ini yang secara berterusan telah mengukuhkan keupayaan dalam menempuh perubahan-perubahan yang mencabar. Setelah lima dekad penubuhan PSG, Pasukan ini telah berkembang sebagai sebuah organisasi keselamatan yang mempunyai reputasi tinggi dan amat digalati. Dengan berlainan latar belakang pengambilan anggota Pasukan Simpanan Gurkha, yang terdiri daripada pesara-pesara anggota *British Army Brigade of Gurkhas*, *Gurkha Contingent Singapore Police Force*, *Nepal Army* dan *Indian Army* serta termasuk rakyat Negara Brunei Darussalam telah menyumbang kepada kepelbagaian kepakaran, kompetensi dan pengalaman luas, menjadikan PSG sebuah organisasi yang berdaya tahan.

Mengambil sukut yang bersejarah ini, dan juga sebagai tanda pengiktirafan terhadap jasa bakti dan pencapaian PSG, Beta sukacita mengurniakan Pingat Jubli Emas Pasukan Simpanan Gurkha kepada semua anggota PSG yang sedang berkhidmat, dan juga kepada mantan-mantan pemimpin yang telah memainkan peranan penting dalam perkembangan organisasi ini. Pengurniaan pingat ini juga mencerminkan komitmen Pasukan ini dalam melaksanakan tugas dengan penuh kesetiaan dan dedikasi.

Selanjutnya Galeri Gurkha yang akan dirasmikan pada hari ini, memaparkan sejarah Pasukan Simpanan Gurkha semenjak penubuhannya sehingga ke hari ini, dan profil anggota-anggota Gurkha yang menerima penghormatan '*Victoria Cross*' serta kebudayaan dan warisan Gurkha secara umumnya.

Bersempena dengan Sambutan Jubli Emas pada hari ini, Beta juga sukacita memperkenankan perubahan nama **Pasukan Simpanan Gurkha kepada Pasukan Sekuriti Gurkha atau *Gurkha Security Unit***.

Beta berharap semua anggota Pasukan ini akan terus menerapkan nilai-nilai teras dengan penuh komited, agar PSG sentiasa kekal relevan untuk generasi seterusnya.

Akhirnya, Beta mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua anggota Pasukan Sekuriti Gurkha yang masih berkhidmat dan yang telah bersara serta kepada semua yang terlibat menjayakan Sambutan Jubli Emas ini. Beta turut mendo'akan, semoga Pasukan Sekuriti Gurkha akan sentiasa berada dalam sejahtera.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.